

**KAJIAN TAHAP KOMPETENSI  
GURU DAN PENOLONG GURU TABIKA PERPADUAN**

**UNTUK:**



**JABATAN PERPADUAN NEGARA DAN  
INTEGRASI NASIONAL**

**DISEDIAKAN OLEH:  
PROF. MADYA DR. FATIMAH KARI  
DR. ROSILAWATI ZAINOL**



**UNIT PERUNDINGAN UNIVERSITI MALAYA**

**RUMUSAN EKSEKUTIF**  
**“KAJIAN TAHAP KOMPETENSI GURU DAN PENOLONG GURU**  
**TABIKA PERPADUAN”**

**1.0 PENGENALAN**

Pendidikan awal adalah satu perkara yang cukup penting dalam pembinaan sahsiah seseorang individu. Pendidikan yang sempurna perlu bermula seawal umur kanak-kanak lagi. Hakikat yang perlu kita ketahui daripada fakta yang dikemukakan oleh pakar perkembangan dan psikologi kanak-kanak, pada usia enam tahun pertama inilah peringkat yang paling optimum dan paling pantas perkembangan mereka berbanding dengan peringkat-peringkat atau tahap umur yang lebih dewasa dalam kehidupan seseorang manusia. Tahap prasekolah merupakan tahap yang strategik untuk menyemai nilai-nilai murni dalam diri mereka. Maka prinsip perpaduan nasional boleh diserapkan ke dalam jiwa kanak-kanak di peringkat umur yang seawal mungkin supaya sebarang rasa prejudis yang melampau dapat dibendung.

Penilaian terhadap Guru dan Penolong Guru Tabika Perpaduan (TP) boleh membantu mereka mengenalpasti kebolehan diri dan memperbaiki kelemahan. Tujuan utama kajian ini dijalankan adalah untuk mengukur, secara umumnya, tahap kompetensi Guru dan Penolong Guru TP di seluruh Malaysia. Kajian ini diharapkan dapat memberikan gambaran menyeluruh berkenaan tahap pencapaian Guru dan Penolong Guru dalam memikul tugas bagi mencapai peranan sebenar TP. Pandangan masyarakat juga diambil kira dalam memberikan input yang lebih bermakna terhadap pencapaian Guru dan Penolong Guru.

## **2.0 OBJEKTIF KAJIAN**

Secara umumnya kajian ini bertujuan untuk melihat tahap kompetensi para Guru dan Penolong Guru TP. Khususnya, kajian ini akan mengkaji perkata berikut:

- 2.1 Profail Guru dan Penolong Guru TP
- 2.2 Melihat Tahap Kompetensi Guru dan Penolong Guru TP dari persepsi masyarakat (ibubapa yang mempunyai anak yang belajar di TP)
- 2.3 Cadangan untuk mempertingkatkan/memperbaiki tahap kompetensi Guru dan Penolong Guru TP

## **3.0 METODOLOGI KAJIAN**

### **3.1 Rekabentuk Kajian**

Kuantitatif dan kualitatif

### **3.2 Kaedah Pengumpulan Data**

Soal-selidik, temubual dan kajian lapangan selain kajian awal tentang kompetensi. Data-data yang dikumpul meliputi data utama dan data sekunder. Data utama dikumpulkan melalui temuduga berdepan dengan responden.

### **3.3 Lokasi Kajian**

Seluruh Negara

### **3.4 Responden**

- 502 orang Guru dan Penolong Guru di 254 buah TP
- 264 orang ibubapa yang menghantar anak-anak mereka ke TP
- Pegawai Perpaduan Daerah (PPD)

## 4.0 DAPATAN KAJIAN

- 4.1 Dapatan data primer soal selidik Guru dan Penolong Guru TP menunjukkan bahawa:

Bil	Bangsa	Guru (orang)	Penolong Guru (orang)
1.	Melayu	215	200
2.	Cina	10	8
3.	India	15	20
4.	Peribumi Sabah dan Sarawak	10	11
5.	Lain-lain	4	9
<b>JUMLAH</b>		<b>254</b>	<b>248</b>

Peratusan Guru dan Penolong Guru berbangsa Melayu adalah sangat tinggi (81.6%) jika dibandingkan dengan peratus kanak-kanak Melayu yang dilaporkan iaitu sebanyak 45.5%.

- 4.2 Lebih dari separuh Guru TP mendapat pengajian sehingga ke peringkat SPM. Tiga perempat (73.8%) daripada jumlah keseluruhan Guru TP mendapat pendidikan samada SPM atau STPM. Hanya 14% guru memperoleh sijil maktab.
- 4.3 Peratusan penolong guru yang memperolehi pendidikan sehingga ke peringkat SPM adalah lebih tinggi daripada guru. Tujuh orang daripada sepuluh orang penolong guru menamatkan pengajian di peringkat SPM.
- 4.4 Hampir 90% daripada jumlah Guru mempunyai pendapatan di antara RM1,000 sehingga RM2,000 sebulan manakala bagi Penolong Guru pula, hanya 78% tergolong dalam kumpulan pendapatan yang sama. Peratus Penolong Guru yang memperoleh pendapatan di antara RM500 sehingga RM1,000 adalah tinggi (20%) berbanding guru (7%). Terdapat 1.07% Guru dan dua orang Penolong Guru yang memperoleh pendapatan lebih dari RM2,000.

- 4.5 Menurut Pendapat Guru dan Penolong Guru, jarak dari rumah ke tabika merupakan faktor utama ibu bapa menghantar anak-anak mereka ke TP. Malah, hampir separuh guru dan penolong guru memilih jarak sebagai faktor utama, diikuti oleh kemudahan atau prasarana yang disediakan. Seramai 11% Guru dan 13% Penolong Guru berpendapat bahawa faktor yang menyebabkan ibubapa menghantar anak-anak mereka ke TP adalah kerana kesedaran berkenaan isu perpaduan negara ini.
- 4.6 Faktor yang dianggap sebagai penyebab ibubapa tidak menghantar anak-anak mereka ke TP adalah kemampuan ibu bapa untuk menghantar anak-anak ke tadika berbayar dan juga tiada kesedaran di kalangan ibu bapa berkenaan isu perpaduan. Walau bagaimanapun, terdapat persepsi yang lebih konstruktif di kalangan ibu bapa yang menjadi anggota Ikatan Relawan Rakyat (RELA) di mana golongan ini merupakan hampir 25% daripada sampel ibu bapa. Skor sokongan (kepercayaan) terhadap peranan TP adalah pada paras 4.24 dan ini menunjukkan program pendidikan dan kesukarelawanan mempunyai hubungan yang rapat. Walau bagaimanapun, skor dari segi kemudahan infrastruktur dan keadaan sekitar yang lebih merangsang kepada keupayaan pembelajaran mencatat paras yang agak rendah ke sederhana (4.02) walaupun melepasi paras piawaian skor (4.0).

## **5.0 RUMUSAN DAN CADANGAN KAJIAN**

- 5.1 Rumusan daripada temu bual dengan Guru dan Penolong Guru mengukuhkan data primer yang menunjukkan bahawa tenaga pengajar kurang berpengalaman dan tidak mempunyai kelulusan ikhtisas perguruan mengajar di TP. Ini menjejaskan keupayaan tenaga pengajar untuk memantapkan kemahiran generic yang diperlukan oleh kanak-kanak pra-

persekolahan sebagai persediaan pengajian apabila memasuki alam persekolah perdana.

- 5.2 Antara cadangan utama yang dikemukakan oleh tenaga pengajar ialah menambah bilangan tenaga pengajar yang berpengalaman, tenaga pengajar diberikan latihan/kursus yang sesuai, dan mengurangkan beban tugas pengajaran. Cadangan lain ialah mempertingkatkan kemudahan pengajaran dan pembelajaran yang sedia ada dan semua kemudahan yang berkaitan dengannya seperti bahan bacaan dan kemudahan komputer, serta meningkatkan kemudahan beriadah dan aktiviti ko-kurikulum.
- 5.3 Rumusan daripada temu bual dengan tenaga pengajar dan pentadbir (Pegawai Perpaduan Daerah) turut menyokong pernyataan di atas. Rumusan tersebut menyatakan bahawa prasarana pengajaran dan pembelajaran yang disediakan oleh TP adalah baik. Namun begitu, terdapat beberapa aspek penyediaan prasarana ini boleh ditingkatkan, seperti kemudahan teknologi maklumat, ruang pengajaran yang lebih selesa, dan kelengkapan yang setara atau seimbang antara semua TP.
- 5.4 Ibu bapa turut ditanya berkenaan harapan mereka terhadap TP. Kebanyakan responden mengharapkan lebih banyak program dijalankan, meningkatkan penglibatan ibu bapa, dan memupuk perpaduan di kalangan kanak-kanak berlainan bangsa.
- 5.5 Kemudahan fizikal dan infrastuktur dari pemerhatian kerja lapangan yang dijalankan, terdapat perbezaan yang nyata dari segi kemudahan infrastruktur yang disediakan di TP di seluruh negara. Kemudahan yang disediakan di TP di bandar menampakkan persekitaran yang lebih ceria meskipun mempunyai sumber pembiayaan yang sama.

- 5.6 Modul Pengajaran pada kebiasaannya, modul pengajaran disemak dalam tempoh 4-5 tahun tuntut memastikan bahawa modul tersebut masih sesuai untuk digunakan dengan memberi penekanan kepada aspek siasah pembangunan manusia. Perubahan kurikulum ini mestilah selari dengan Program Transformasi Kerajaan (PTK) yang telah menetapkan sasaran untuk memperbaiki prasekolah di seluruh negara pada tahun 2012. Untuk meningkatkan penyertaan kanak-kanak dalam prasekolah iaitu daripada 67% (342,706) pada tahun 2009 kepada 87% (447,556) pada tahun 2012. Program Transformasi Kerajaan (PTK) turut mensasarkan untuk meningkatkan penyertaan kanak-kanak dalam pra-sekolah iaitu daripada 67% (342,706) pada tahun 2009 kepada 87% (447,556) pada tahun 2012.
- 5.7 Dari aspek tenaga pengajar, terdapat beberapa isu dikemukakan yang didapati mempengaruhi prestasi pelajar. Isu yang dimaksudkan terdiri daripada bilangan tenaga pengajar yang berpengalaman, kemahiran mengajar dan penguasaan Bahasa Inggeris, serta penglibatan tenaga pengajar dalam hal ehwal perpaduan.
- 5.8 Implikasi daripada kurangnya tenaga pengajar berpengalaman dan kewujudan pengajar yang berstatus kontrak dan sementara didapati bahawa guru dan pembantu guru tidak dapat memberikan komitmen yang berkesan dalam pengajaran. Tenaga pengajar yang mengajar bidang yang bukan pengkhususannya tidak dapat mempelbagaikan kaedah pengajaran yang berkesan, khususnya kepada pelajar yang berprestasi rendah. Keadaan ini menjadi lebih buruk bagi tenaga pengajar kontrak/semntara.
- 5.9 Isu kemahiran mengajar dan penguasaan Bahasa Malaysia dan Inggeris Terdapat tenaga pengajar yang tidak mempunyai sijil latihan ikhtisas perguruan dan hal ini mempengaruhi kemahiran mereka dalam penyampaian ilmu pengetahuan. Tenaga pengajar yang tidak dapat menguasai Bahasa Inggeris dengan baik juga menghadapi masalah

menggunakan buku rujukan dalam Bahasa Inggeris di samping mengehadkan interaksi mereka dengan pelajar dan tenaga pengajar yang lain. Oleh itu, adalah penting untuk meningkatkan kemahiran tenaga pengajar, khususnya kemahiran mengajar dan penguasaan Bahasa Inggeris. Ini dicadangkan dilakukan dengan memberi latihan dan bimbingan secara berterusan, terutamanya dalam kaedah pengajaran. Peraturan penggunaan Bahasa Inggeris dalam pengajaran dan pembelajaran perlu diadakan dan kursus intensif yang bertujuan meningkatkan keyakinan tenaga pengajar untuk menggunakan Bahasa Inggeris patut ditawarkan.

- 5.10 Aspek prasarana yang menyokong aktiviti akademik Prasarana yang dimaksudkan ialah prasarana yang dapat menentukan prestasi akademik pelajar. Ini termasuklah kemudahan peralatan, serta kemudahan riadah dan ko-kurikulum.
- 5.11 Tindakan utama yang harus diambil ialah berusaha untuk terus meningkatkan prestasi akademik kanak-kanak kerana ibu bapa akan tetap melihat pencapaian ini sebagai kayu ukur.
- 5.12 Dengan ini dicadangkan agar kerajaan mengadakan publisiti secara besar-besaran terhadap TP dengan memberikan maklumat yang jelas kepada ibu bapa berkenaan dengan kurikulum, kelayakan guru, dan kemudahan yang disediakan oleh Jabatan Perpaduan. Strategi yang lebih agresif perlu dilakukan untuk memastikan kemasukan kanak-kanak dari pelbagai etnik di TP. Ini perlu dijadikan "*selling point*" program TP yang selari dengan objektif pembangunan negara. Jabatan perlu juga memikirkan tentang "*ranking*" yang tertentu untuk sekolah yang dapat mencapai objektif akademik dan membawa agenda perpaduan dengan lebih menyerlah.
- 5.13 Kajian dilakukan untuk melihat persepsi kanak-kanak lepasan TP terhadap isu perkauman, perpaduan, kedamaian, dan hubungan etnik. Ini dapat



memberi gambaran tentang keberkesanan TP untuk memupuk konsep perpaduan pada peringkat kanak-kanak.

- 5.14 Sehubungan itu, program mestilah disusun supaya TP dijadikan satu sistem "*feeder*" kepada program yang lebih menyeriah seperti Program Pintar Negara, Sekolah Bistari, sekolah kiuster ataupun institusi pengajian yang cemerlang. Langkah seperti ini akan membolehkan program TP berada pada landasan yang strategik untuk mencapai objektif Program Transformasi Kerajaan (PTK) menjelang 2012.